

Sinar Harian 6 August 2019

Keselamatan kewangan

Sun Life Malaysia perkenal pelan Sun Infinity-i dan aplikasi SunAccess

SITI ZUBAIDAH MAT ISA

un Life Malaysia Assurance Berhad and Sun Life Malaysia Takaful Berhad (Sun Life Malaysia) melancarkan dua produk baharu bagi mengukuhkan keselamatan kewangan pengguna.

Dua produk itu adalah pelan Sun Infinity-i yang menyediakan pengguna dengan fleksibiliti kewangan berdasarkan kemampuan dan keperluan mereka.

Manakala aplikasi SunAccess menyediakan akses segera kepada pelan insurans dan Takaful pelanggan.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden dan Ketua Negara Sun Life Malaysia, Raymond Lew ber-



Dari kiri: Raymond dan Hairul Azreen pada majlis pelancaran pelan Sun Infinity-I dan aplikasi SunAccess di Kuala Lumpur baru-baru ini.

kata, Sun Infinity-i adalah pelan simpanan jangka pendek yang menyediakan sumbangan dan liputan yang fleksibel untuk memenuhi keperluan individu seperti jumlah simpanan dan liputan.

"Pelan ini diperkenalkan bagi meningkatkan pembayaran tunai tahunan, bermula dari akhir tahun kontrak pertama hingga tempoh matang di samping memberi perlindungan takaful untuk kematian dan hilang upaya kekal.

"Pelanggan juga memperoleh manfaat kompensasi yang perlu dibayar kepada Yayasan Waqaf Malaysia selain manfaat dengan bayaran sekali gus," katanya dalam kenyataan akhbar.

Pada majlis pelancaran itu, Duta Sun Life Malaysia Hairul Azreen turut berkongsi bahawa Sun Infinity-i adalah pelan yang ideal untuk semua orang tanpa mengira usia dan status selain memberi manfaat kepada orang ramai untuk meningkatkan pembayaran tunai tahunan.

Tambah Raymond, Sun Infinity-i menjamin masa depan yang lebih selamat dari segi kewangan

"Sun Infinity-i menawarkan pilihan pembayaran dan terma kontrak yang berbeza bagi pelanggan kami supaya mereka dapat memilih gabungan yang sesuai berdasarkan keperluan mereka.

"Manakala faedah pembayaran tunai yang semakin meningkat memberikan mereka aliran pendapatan yang mantap untuk perancangan kewangan dalam jangka masa panjang," katanya.